

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PELABELAN BAGI SEBATIAN MINUMAN KERAS (*COMPOUNDED HARD LIQUOR*) DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada industri makanan mengenai keperluan pelabelan pada botol kaca yang digunakan bagi penjualan sebatian minuman keras berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PPM 1985). Ianya juga boleh digunakan oleh pihak penjual, peniaga dan juga orang awam.

2.0 TAKRIFAN

Di bawah Peraturan 386A, PPM 1985 memperuntukkan **sebatian minuman keras** hendaklah:

- mengandungi etil alkohol yang dihasilkan daripada sulingan hasil pertanian.
- boleh mengandungi spirit sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan 377 atau etil alkohol daripada penapaian hasil pertanian atau kedua-duanya.
- mengandungi kandungan alkohol sama atau lebih daripada 32.5% isipadu per isipadu.
- boleh mengandungi bahan pemanis dan bahan perisa yang dibenarkan.
- dibungkus dalam botol kaca dengan isipadu minimum 350ml.

3.0 SYARAT-SYARAT PELABELAN PADA BEKAS BAGI SEBATIAN MINUMAN KERAS

- Di bawah Peraturan 361(2) dan Peraturan 361(2A) di bawah PPM 1985, apa-apa bungkusan yang digunakan bagi mengisi minuman beralkohol hendaklah ditulis perkataan:
 - (i) “**ARAK MENGANDUNGİ% ALKOHOL**”
 - dengan tulisan huruf bukan serif, huruf besar, huruf tebal, saiz penghurufan lebih daripada 12 poin dan dinyatakan pada panel paparan utama label.
 - (ii) “**MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN**”
 - dengan huruf bukan serif dan saiz penghurufan lebih daripada 12 poin.
- Di bawah Peraturan 386A(3) dan Peraturan 386A (4) di bawah PPM 1985, apa-apa bungkusan yang mengandungi sebatian minuman keras hendaklah ditulis pada panel paparan utama label perkataan “**sebatian minuman keras**” dan memenuhi keperluan berikut:
 - (i) perlu jelas dari segi ketinggian, keutamaan visual dan kedudukan supaya mudah kelihatan berbanding dengan mana-mana perkara lain yang terdapat pada label (*prominent*) itu;
 - (ii) perkataan “**sebatian**” tidak boleh digabungkan dengan nama mana-mana minuman beralkohol lain di bawah PPM 1985 seperti brandi, wiski, vodka dan lain-lain.

- Walaubagaimanapun, apabila CHL ditambah dengan mana-mana minuman beralkohol yang mempunyai standard di bawah PPM 1985 sebagai ramuan, nama minuman beralkohol tersebut boleh dinyatakan pada label selagi mana ianya tidak mengelirukan. Rujuk contoh pelabelan di bawah.
- **Pelabelan umum** yang wajib ke atas produk makanan **adalah masih terpakai** seperti penggunaan bahasa, senarai ramuan, pernyataan aditif (jika ada), berat bersih, nama dan alamat pengilang, nama dan alamat pengimport (jika berkaitan) dan nama negara asal (jika berkaitan). Sila rujuk Garis Panduan Am Pelabelan Makanan (<http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=441000080>)

4.0 CONTOH PELABELAN YANG DIBENARKAN (✓)

(A)



(B)



5.0 CONTOH PELABELAN YANG TIDAK DIBENARKAN (✗)

(A)



(B)



6.0 DENDA DAN PENALTI

Peraturan 397, PPM 1985 menetapkan bahawa mana-mana orang yang melakukan kesalahan terhadap Peratura-Peraturan ini boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada dua tahun.

7.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
No.26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel : 03-8885 0797
Fax: 03-8889 0790
Email:fsq-division@moh.gov.my
Laman Web: <http://fsq.moh.gov.my>